

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 12/5/2016

Muka surat: 8

Tajuk : Program ICE buka peluang kepada 5,000 graduan cari kerja

# Program ICE buka peluang kepada 5,000 graduan cari kerja

**KOTA SAMARAHAN:** Pameran Pendidikan, Karier dan Inovasi (ICE) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) membuka peluang kepada hampir 5,000 pelajar universiti itu yang bakal tamat pengajian tahun ini untuk mencari pekerjaan.

Menurut Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, pameran itu merupakan satu landasan baik menghubungkan pihak majikan yang menawarkan peluang kerja.

“Kita bakal melahirkan kira-kira 4,950 graduan tahun ini dan pameran ini merupakan satu cara pihak majikan mendekati modal insan secara efektif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pameran Kerjaya Sektor Tumpuan Utama (SFCF) anjuran bersama UNIMAS dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sempena ICE 2016 di Kampus UNIMAS di sini, semalam.

Kadim berkata, acara selama dua hari itu menyaksikan penyertaan 70 syarikat sekali gus membuktikan universiti merupakan pilihan mereka.

Menurut beliau, pelajar boleh melawat tapak pameran syarikat-syarikat yang bersedia mengambil graduan baharu tamat pengajian dan mengetahui peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan.

“Ini peluang amat baik ke-



**TERIMA:** Hatta (dua kiri) menerima cenderamata daripada salah seorang pempamer sambil disaksikan Fadzil (kiri), Kadim (dua kanan), Siti Norliza (tiga kanan) dan Siti Raudzah (kanan).

pada graduan untuk mendapat peluang dan ada syarikat yang menyediakan temu duga secara terus kepada pelajar,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Datu August Buma berkata, acarasedemikian amat penting dalam membantu orang ramai mendapat kerja.

Katanya jabatan itu pada tahun lepas menganjurkan kira-kira 17 program penempatan pekerjaan yang membantu lebih 11,000 orang untuk mendapat kerja.

“Pameran seperti ICE merupakan acara amat penting membantu mengatasi isu pengangguran khususnya di

kalangan pelajar baharu tamat pengajian di universiti,” katanya.

Acara itu bertindak sebagai platform dalam mendedahkan pelajar UNIMAS termasuk pelajar institusi pengajian tinggi lain kepada peluang kerjaya dan latihan dalam minyak, gas & tenaga (OGE), kejuruteraan, multimedia kreatif dan perkhidmatan perniagaan global.

Pameran ICE pertama diadakan pada 2014 bertujuan mendedahkan pelajar UNIMAS dan graduan baharu atau majikan berpotensi atas apa yang berdaya maju untuk bidang mereka dan jenis industri yang memenuhi keperluan

kursus dan minat tertentu.

ICE pada tahun lepas menyaksikan kehadiran kira-kira 7,500 pengunjung manakala kali ini, angka itu dijangka terus meningkat susulan siri-siri promosi dijalankan.

Hadir untuk melancarkan ICE 2016, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Dekan Pusat Pembangunan Pelajar Profesor Dr Siti Raudzah Ghazali dan Ketua Malaysian Talent Development - Kebolehpasaran Graduan TalentCorp Siti Norliza Mohd Sahar.